

Ruj. Kami : USM. 38/6 Jld.VIII
Tarikh : 12 Februari 2026
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 12 TAHUN 2026

- PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA) KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, pemberian HPA merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan sebagai satu bentuk penghargaan Kerajaan kepada pegawai awam yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atas pembiayaan sendiri bagi meningkatkan ilmu dan kompetensi diri, selaras dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat.

3. Sehubungan dengan itu, staf yang memenuhi syarat-syarat kelayakan HPA sebagaimana di dalam **Lampiran A** adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan menggunakan borang permohonan Pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) yang terdapat di laman web bsm.usm.my bermula **16 Februari 2026 hingga 15 Mac 2026**.

4. Permohonan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan kepada :-

**Unit Pembangunan Staf
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
E-mel : ubsbsm@usm.my**

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato Seri/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

Tel : 604-653 6071

| E-mel : sarina_razak@usm.my

| Web : bsm.usm.my

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

